

**SOALAN NO: 16**

Penyediaan jaringan infrastruktur komunikasi yang komprehensif ini sudah tentu memerlukan perbelanjaan yang tinggi dengan mengambil kira bentuk muka bumi yang berbukit bukau dan jumlah kawasan yang luas. Selain itu, kerjasama dan sokongan yang padu dari semua agensi Kerajaan terutamanya di peringkat negeri dalam memudahcara kelulusan dan mengenakan permit yang bersesuaian untuk pemasangan infastruktur komunikasi juga memainkan peranan yang penting untuk memastikan apa jua perancangan dapat dilaksanakan secara efektif dengan kos yang efisyen.

Pada waktu ini, masih terdapat banyak kawasan di Malaysia yang tidak mempunyai jaringan infrastuktur yang baik terutamanya jaringan gentian optik yang merupakan asas kepada penyediaan internet berkelajuan tinggi. Dalam hal ini, beberapa inisiatif berasaskan pemasangan gentian optik sedang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) yang memberi fokus kepada pemasangan gentian optik dengan penaiktarafan ibu sawat di seluruh negara. Selain itu, Kerajaan juga sedang mengkaji inisiatif baru yang mungkin akan dilaksanakan selepas ini bagi memastikan kelajuan internet negara dapat dipertingkatkan selaras dengan keperluan semasa.